

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN VII - PENJAGAAN
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta**

Seksyen 108. Perintah tegahan melupuskan harta sepencarian.

- (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada perkahwinan-
- (a) jika mana-mana prosiding hal ehwal suami isteri masih belum selesai di Mahkamah; atau
 - (b) dalam prosiding itu Mahkamah boleh membuat perintah di bawah seksyen 122, membuat suatu perintah melarang isteri atau suami, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada melupuskan apa-apa harta yang telah diperolehi semasa perkahwinan mereka berkuat kuasa jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah difikirkan perlu untuk berbuat demikian.
- (2) Kegagalan mematuhi suatu perintah di bawah subseksyen (1) boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan kepada Mahkamah.
-